

**Parlimen: Gara-Gara Buat Kecoh, Tiga Anggota Parlimen Diarah Keluar Dewan Bernama  
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Gara-gara menimbulkan kekecohan pada sesi perbahasan di Dewan Rakyat, Timbalan Yang Dipertua Datuk Ronald Kiandee mengarahkan tiga Anggota Parlimen keluar dari dewan sehingga persidangan Khamis berakhir.

Kiandee mengarahkan N Gobalakrishnan (Bebas-Padang Serai), Datuk Saifuddin Nasution (PKR-Machang) dan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) meninggalkan sesi perbahasan pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 dan usul anggaran perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2011.

Gobalakrishnan, yang tidak berpuas hati dengan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh), mengejek penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu ketika beliau bangun untuk menyokong permintaan Azan Ismail (PKR-Indera Mahkota) yang meminta penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai.

"Padang Serai, kita ada perkara serius kita hendak bincang. Kalau ada yang lain tidak penting, kita bawa ke kantin," katanya sambil meminta Gobalakrishnan duduk.

Namun, anggota Parlimen Bebas itu berdegil dan enggan duduk sehingga Kiandee terpaksa mengarahkan bentara mengiringi Gobalakrishnan keluar dari Dewan Rakyat.

"Saya minta Yang Berhormat keluar sehingga selesai (persidangan) dewan hari ini," katanya.

Sebelum meneruskan perbahasan, Kiandee sekali lagi mengingatkan Anwar dan Azan supaya tidak lagi mempertikaikan mengenai jumlah peruntukan perbelanjaan yang hendak dibahaskan kerana Timbalan Menteri telah memberikan penjelasan awal mengenai perkara itu.

"Saya tetap dengan keputusan saya perbahasan ini diteruskan dan minta Menteri Kewangan menilai kembali tuduhan-tuduhan yang dibuat," katanya.

Kekecohan sekali lagi timbul apabila Saifuddin dan Tajuddin pula bertikam lidah berkaitan isu lawatan Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya ke Konrad Adenauer Foundation di Jerman.

Anggota Parlimen Pasir Salak itu mendakwa Saifuddin yang membangkitkan soal lawatan itu kerana kononnya ingin menunjuk-nunjuk integriti beliau yang menyebabkan Saifuddin 'panas telinga'.

Pertikaman lidah yang berlaku akhirnya menyebabkan kedua-dua Anggota Parlimen itu diarah keluar dewan bagi membolehkan sesi perbahasan diteruskan.

"Yang Berhormat Machang dan Pasir Salak, saya minta Yang Berhormat berdua keluar dari dewan sehingga selesai mesyuarat hari ini," tegas Kiandee selepas beberapa amaran yang diberikan kepada mereka tidak dipedulikan.

Dalam pada itu, Kiandee berkata 'kekecohan' yang melanda sesi Dewan Rakyat sejak akhir-akhir ini berkemungkinan disebabkan oleh bahang pilihan raya umum ke-13.

"Akhir-akhir ini di Parlimen, isu kecil pun jadi besar, jadi pertengkaran. Saya rasa ini bahang pilihan raya," katanya.

Pada Selasa lepas, sesi perbincangan laporan akhir PSC gagal dibahaskan ekoran kekecohan yang berlaku kerana usul memasukkan laporan minoriti ke dalam laporan jawatankuasa itu ditolak.

Dalam suasana 'panas' itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia bertindak meluluskan 22 syor di dalam laporan akhir jawatankuasa berkenaan tanpa dibahaskan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657286>